

Headline	Golongan berisiko Aids disaran jalani ujian		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	21 Dec 2016	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	42	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	146 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,286
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,858



DR Wan Fadhilah (tengah) memotong kek sebagai perasmian pada majlis Sambutan Hari Aids Sedunia peringkat klinik, di Klinik Kesihatan Mahmodiah.

## Golongan berisiko Aids disaran jalani ujian

**Johor Bahru:** Klinik Kesihatan Mahmodiah mengajak orang ramai terutama golongan berpotensi dijangkiti HIV untuk menjalani pemeriksaan kesihatan sempena Sambutan Hari Aids Sedunia.

Pakar Perunding Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Mahmodiah, Dr Wan Fadhilah Wan Ismail berkata, program dengan ker-

jasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) 'Intan Life Zone Welfare Society (ILZ)' itu menawarkan pemeriksaan tanpa nama selain mengadakan pameran, kempen kesedaran dan kuiz.

Katanya, pihaknya menggalakkan golongan yang berpotensi tinggi untuk melakukan ujian kerana bimbang virus berkenaan boleh menular bukan saja kepada

penagih tetapi orang biasa sekiranya mereka berkahwin dengan individu yang dijangkiti.

"Kita mahu mereka tampil ke klinik pada bila-bila masa supaya boleh diberi rawatan selain dipantau. Jangan bimbang kerana klinik juga mengadakan ujian saringan HIV tanpa nama yang memudahkan pesakit," katanya.